## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## KHAMIS 24 SEPTEMBER 2020

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | MUHYIDDIN: HOPE TO HELP SABAH IN DEVELOPMENT, NATION, CHINA PRESS -A9 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 2. | AGRICULTURE TO HEAD TOWARDS INCREASING EXPORTS AND DECRESING IMPORTS IN FUTURE, WEST MALAYSIA, SEE HUA DAILY NEWS -2 | |
| 3. | AGRICULTURE HEADS TOWARDS INCREASING EXPORTS AND DICREASING IMPORTS, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -6 | |
| 4. | MINISTRY TURNS FARMERS INTO MILLIONARIES, HOME, BORNEO POST (KK) -3 | |
| 5. | EXPORT BUAH-BUAHAN TROPIKA MALAYSIA MENINGKAT, NASIONAL, SH -19 | |
| 6. | TPKM LOJONG 2 DIKAJI SEMULA, KELANTAN, HARAKAH -N11 | |
| 7. | RAAISYAH HASIL 7 PRODUK SERUNDING, DESTINASI, HARAKAH -N2 | |
| 8. | 640KG CILI MERAH TIADA PERMIT IMPORT DIRAMPAS, DALAM NEGERI, UM -30 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 9. | 640KG CILI MERAH TIADA PERMIT IMPORT DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO -16 | |
| 10. | SIASAT SUNGAI DICEMAR NAJIS BABI, LOKAL, HM -19 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV) |
| 11. | JANGAN PINDAH TERNAKAN DI KAWASAN WABAK, TERENGGANU, HARAKAH -N14 | |
| 12. | HARAP MUHAMMAD SYUKUR SEKELUARGA TABAH, FORUM, UM -19 | |
| 13. | BOT NELAYAN VIETNAM CUBA LARI DARI APMM KARAM, LOKAL HM -10 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 14. | TANGKAPAN MENINGKAT PADA MUSIM TENGKUJUH, NASIONAL, BH -8 | |
| 15. | AGROBANK LULUS RM567 JUTA SUNTIKAN DANA PRIHATIN PKS, BISNES, SH -44 | AGROBANK |
| 16. | AGROBANK LULUS DANA RM567 JUTA, EKONOMI, UM -36 | |
| 17. | AGROBANK AGIH RM567 JUTA KEPADA PKS, NIAGA, KOSMO -37 | |
| 18. | PERTANIAN SATU PERNIAGAAN, NASIONAL, HARAKAH -N19 | LAIN-LAIN |
| 19. | KITA PRIHATIN - A BOOST FOR FISHERMEN AND SMALL TRADERS, NEWS, NST -5 | |
| 20. | SEEING GROWTH IN COMMUNAL FARMING, EVENTS, THE STAR -8 | |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Muhyiddin: Hope to help Sabah in development | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 24 Sep 2020 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A9 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 378 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,456 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 22,369 |



# 冀協助沙巴發展

## 慕尤丁：我是全民首相



■慕尤丁（前排右3）与出席者挥舞国旗和州旗。

（亚庇23日讯）首相丹斯里慕尤丁如常飞往沙巴助选，并强调他是全民首相，会关注各族的福祉，希望能协助沙巴的发展，给予沙巴人更好的待遇。

慕尤丁今晚在路阳春岭园出席沙巴进步党举办的"首相与民会面"活动时说："你们是不是在想我到底还是不是首相呢？"

他说，今天早上有反对党领袖称已获得足够支持，可取代他出任新首相。

他说，他尊重该名领袖的意见，但我国是民主国家，一切须依据联邦宪法行事。

"那是国家元首的权力......但是我今天还是以首相身分站这里与各位见面。"

他也希望在沙巴选举後，州政府能与联邦政府讨论推动沙巴发展事宜。他重申最好双方都是来自同一阵营，才会好办事。

在场者包括沙巴土团党秘书拿督斯里罗南建迪、沙巴进步党主席拿督杨德利、国盟路阳州席候选人余田雄、国阵里卡士州席候选人郑启堂以及沙巴中华大会堂总会长丹斯里吴添泉。

Powered by: isentia

| Headline | Agriculture to head towards increasing exports and decreasing imports in future | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | See Hua Daily News | | |
| Date | 24 Sep 2020 | Color | Black/white |
| Section | West Malaysia | Circulation | 63,549 |
| Page No | 2 | Readership | 190,647 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 248 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,390 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 4,171 |





阿末韩查（右2）巡视各类农业摊位，了解特产。

# 農業未來趨向增出口減進口

**芙蓉23日讯**｜农业及农基工业部副部长拿督斯里阿末韩直表示，我国农业日后将会趋向出口比进口的情况增加。初步估计，2020年的平均出口值将会达到[illegible]亿[illegible]万令吉，直到2025年将会增加至25亿[illegible]万令吉。

「与此同时，进口的预期价值将从2021年的[illegible]亿[illegible]万令吉，在2025年减少至[illegible]亿[illegible]令吉。」他称，出口值仍会持续的增加，相信可从2025年至2030年期间，达到[illegible]亿[illegible]万令吉。

阿末韩查于今早在芙蓉为农业局举办的「2020年出口、进口及餐饮（种植）商研讨会」主持开幕礼时，作出上述表示。

他指出，马来西亚热带水果出口的平均价值，从2015年[illegible]万[illegible]令吉增加至2018年11亿[illegible]万令吉，一年的增加率平均达[illegible]%。

「至于进口的水果平均价值同样是增加，一年内平均增加[illegible]%，即从2015年[illegible]亿[illegible]万令吉，但于2018年则增加至[illegible]亿[illegible]令吉。」

阿末韩查也表示，一直以来，由我国出口到中国、韩国、台湾、新加坡及泰国等地的榴梿、菠萝蜜、木瓜、西瓜、香蕉、山竹及红毛丹的需求量都很高；至于进口的水果，则以杨桃、夫不辣、芒果、番石榴、火龙果、人心果及菠萝居多。

## 進口水果需求量高

他称，我国对于进口的水果需求量高，主要是因为受气候影响缘故，所以有关的水果种植出来的品质及口感也比其他东盟国家更为理想。

无论如何，他说，农业局将在今年着重于4类水果的产量，包括榴梿、菠萝蜜、木瓜及西瓜，以便大量地出口。

他指出，根据水果出口统计，榴梿是在众多水果领出口值最高，于2015年达[illegible]万[illegible]令吉，而在2018年增加至[illegible]亿[illegible]万令吉。

「因此榴梿将会是农业局最为关注的其中一种水果类。」阿末韩查也说，农业局将会研讨较为策略性种植方式，以提升产量，并且与农民及出口商达致双赢局面。

Powered by: isentia

| Headline | Agriculture heads towards increasing exports and decreasing imports | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 24 Sep 2020 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | 6 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 336 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,893 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 17,679 |


[redacted]

# 农业未来趋向增出口减进口

**芙蓉23日讯**｜农业及农基工业部副部长拿督斯里阿末韩查表示，我国农业目前将会趋向出口比进口的情况增加，初步估计，2020年的平均出口值将会达到14亿1200万令吉，直到2025年将会增加至25亿2000万令吉。

与此同时，进口的预期价值将从2021年的19亿400万令吉，在2025年减少至18亿3300万令吉。

他称，出口值仍会持续的增加，相信可从2025年至2030年期间，达到27亿9100万令吉。

阿末韩查是于今早在芙蓉为农业局举办的「2020年出口、进口及餐饮（种植）」研讨会上主持开幕礼时，作出上述表示。

他指出，马来西亚热带水果出口的平均价值，从2015年8亿2100万5000令吉增加至2018年11亿2400万令吉，一年的增加率平均为12.29%。

「至于进口的水果平均价值同样是增加，一年内平均增加9.95%，即从2015年11亿300万令吉，到于2018年则增加至14亿3200令吉。

阿末韩查也表示，一直以来，由我国出口到中国、韩国、台湾、新加坡及澳洲等地的榴梿、菠萝蜜、木瓜、西瓜、香蕉、山竹及红毛丹的需求量都很高；至于进口的水果，则以柑橘、苹果、芒果、番石榴、火龙果、人心果及黄梨居多。

## 进口水果需求量高

他称，我国对于进口的水果需求量高，主要是因为受气候影响，所以有关的水果种植出来的品质及口感也比其他东盟国家更为理想。

无论如何，他说，农业局将在今年着手于4类水果的产量，包括榴梿、菠萝蜜、木瓜及西瓜，以便大量的出口。

他指出，根据水果出口统计，榴梿是在众多水果类出口值最高，于2015年达6400万9000令吉，而在2018年增加至1亿1820万令吉。

因此榴梿将会是农业局最为关注的其中一种水果类。

阿末韩查也说，农业局将会研讨较为策略性种植方式，以提升产量，并且与农民及出口商达致双赢局面。



阿末韩查（右2）巡视各类农业摊位，了解特产。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Ministry turns farmers into millionaries | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 24 Sep 2020 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 3 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 410 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,286 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 6,858 |



[redacted]

# Ministry turns farmers into millionaries

**KOTA KINABALU:** Sabah's Warisan-led Agriculture and Food Industry Ministry had turned Sabahans and farmers into millionaires during its governance of the state.

Wong said Mesilou Permanent Food Production Park (TKPM) and the Putatan TKPM) had proven that the income of Sabahans, including the youths, can be lifted through the right path.

"At Mesilou TKPM, Warisan started fertigation in 2018, a modern farming technique," said Wong.

"Eight Kundasang youths in the TKPM Mesilou now earn more than RM15,000 a month planting tomatoes, capsicums and Japanese cucumber.

"At Putatan TKPM, we finally have our very own Sabah Golden Melon," he added.

Wong said the project, which failed to meet its objective under the previous state government helm in 2013, had been successfully reformed after the Warisan Plus government took over in 2018.

"Early this year, we roped in Ananas Farm as the anchor for Sabah Golden Melon. They have identified a correct SOP and system to successfully plant Sabah Golden Melons," he said.



Junz (seventh, left) witnessed the MoU signing between KPD and Green Drone Advance Farming.

Wong said part of the things planned was the successful implementation of SOP that benefitted local participants at the Putatan TKPM.

"The roughly 44 greenhouses in Putatan TKPM will be allocated to 10 locals from Putatan to participate in Sabah Golden Melon planting. Each participant will be allocated with four greenhouses at the size of 6000 square feet each," he said.

"But they must be genuine planters and locals. Warisan's policy is to involve locals in the projects being implemented. If the project is in Kundasang, the participants will be from Kundasang. If the project is in Putatan, the participants will be from Putatan.

"These (Putatan TKPM) participants can plant 6,000 Sabah Golden Melons, 1,500 plants for each greenhouse. After 90 days, each plant will produce an average of 1.5kg to 2kg per fruit," he added.

On becoming millionaires, he briefly described how participants can improve living standards drastically.

"Let's do some maths. Six thousand fruits at 1.5kg each will make a total 9,000 kg or nine tonnes. At a market rate of RM16.90 per kg, each cycle of three months can fetch each participant RM101,400.

"In a year, four cycles will bring RM405,600. Each participant can earn RM405,600 a year by planting Sabah Golden Melons," he explained.

Wong concluded by saying it is not impossible for farmers to be rich, as long as Sabah is led by the right government and leaders.

"If the government and its leaders are not corrupted, all these projects can reach its full

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Ministry turns farmers into millionaries | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 24 Sep 2020 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 3 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 410 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,286 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 6,858 |



Junz (second right) with the operators of the Sabah Melon fertigation farm at the Putatan Permanent Food Production Park.



Junz (left) being briefed on the fruit collection centre project in Beaufort.

potential. But if the government and its leaders are corrupted, no amount of money will ever be enough to ensure the project becomes successful," he emphasized.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/9/2020 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 19 |

# Eksport buah-buahan tropika Malaysia meningkat

**SEREMBAN** - Nilai purata eksport buah-buahan tropika Malaysia meningkat daripada RM821.5 juta pada tahun 2015 kepada RM1.124 bilion pada tahun 2018 iaitu purata peningkatan sebanyak 12.29 peratus setahun.



Ahmad (dua dari kiri) melawat geral pameran selepas program suai kenal pengeluar dan pengeksport agromakanan (tanaman) Jabatan Pertanian tahun 2020 di Seremban semalam.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, nilai import buah-buahan tropika turut menunjukkan peningkatan sebanyak 9.95 peratus setahun iaitu RM1.1 bilion pada tahun 2015 kepada RM1.43 bilion pada tahun 2018.

"Buah-buahan tropika Malaysia seperti durian, nangka, betik, tembikai, pisang, manggis dan rambutan mempunyai potensi yang sangat besar bagi tujuan eksport khususnya ke China, Taiwan, Korea, Singapura, Australia, Timur Tengah, Eropah serta Amerika Syarikat.

"Selain itu, belimbing, cempedak, mangga, jambu batu, pitaya atau buah naga, ciku dan nenas juga berpotensi untuk dieksport," katanya pada program suai kenal pengeluar dan pengeksport agromakanan (tanaman) Jabatan Pertanian tahun 2020 di sini semalam.

Sementara itu, beliau berkata, Jabatan Pertanian pada tahun ini memberi tumpuan kepada empat jenis buah-buahan utama iaitu durian, nangka, betik dan tembikai untuk peningkatan pengeluaran bagi memenuhi keperluan eksport.

Menurutnya, statistik eksport buah-buahan tropika Malaysia menunjukkan buah durian mempunyai nilai yang tinggi di pasaran dunia kerana terdapat trend peningkatan nilai eksport iaitu sebanyak RM64.9 juta pada tahun 2015 kepada RM118.2 juta pada tahun 2018.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/9/2020 | HARAKAH | KELANTAN | N11 |


# TPKM Lojing 2 dikaji semula

**Oleh MUHAMMAD ARIF ISMAIL**

**TANAH MERAH:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan mengkaji semula pelaksanaan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Lojing 2.

Timbalan Menteri berkenaan Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, TPKM dilaksanakan sebagai langkah menggalakkan projek pertanian skala besar, komersial dan menggunakan teknologi tinggi.

Katanya, beliau akan mendapatkan maklumat mengenai status TKPM Lojing 2 yang sebelum ini ada beberapa masalah yang melibatkan isu tanah.

"Antaranya jalan masuk yang terpaksa melalui tanah milik Orang Asli," katanya selepas mengadakan lawatan ke kilang serunding Samblado di Bukit Panau di sini Ahad lepas.



Che Abdullah Mat Nawi mengacau serunding berjenama Samblado.

TKPM Lojing 2 terletak 107 kilometer (KM) dari Gua Musang, 19 km dari Blue Valley dan 50 km dari Tanah Rata di Cameron Highlands.

Ia berada pada ketinggian 2,500 hingga 3,200 kaki dari aras laut dengan suhu antara 18 hingga 27 darjah celsius yang sesuai untuk pertanian.

TKPM bermula pada 2000 merupakan strategi kerajaan di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga bagi menggalakkan pertanian skala besar.

Di Kelantan terdapat empat TKPM iaitu TKPM Telong Bachok, TKPM Batang Merbau Tanah Merah, TKPM Lojing 1 dan Lojing 2.

Che Abdullah berharap supaya TKPM Lojing 2 dapat dibangunkan seperti TKPM Lojing 1 yang kini sudah berjaya.

"Pembangunan TKPM melibatkan kerjasama antara kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pengusaha.

"Kalau TKPM dapat dihidupkan kembali, ia akan memberi manfaat kepada rakyat," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/9/2020 | HARAKAH | DESTINASI | N22 |

# Raaisyah hasil 7 produk serunding

Oleh MUHAMMAD ARIF ISMAIL

**TANAH MERAH:** Bermula dengan berniaga secara kecil-kecilan di tepi jalan dan bazar Ramadan di Port Dickson.

Kemudian Raaisyah Mohamed Hanafi, 33 menjual sarapan pagi di Kampung Linggi Melaka.

Hari ini beliau memiliki syarikat Anak Cekal Enterprise yang ditubuh pada Disember 2011. Syarikat itu menghasilkan serunding berjenama Samblado yang dipasarkan di Lembah Klang.

Raaisyah berkata, kilangnya terletak di Bukit Panau Tanah Merah. Selain itu beliau mempunyai pusat pengumpulan di Seksyen 16 Bandar Baru Bangi, Selangor.




Kilang serunding Samblado terletak di Kampung Kubang Kerian, Bukit Panau.



Che Abdullah Mat Nawi meneliti produk serunding dikeluarkan Raaisyah Mohamed Hanafi.

"Saya juga membuat 10 hingga 15 jenis kuih setiap pagi untuk dihantar kepada tujuh tempat termasuk sekolah," katanya ketika ditemui di kilang serunding Samblado di Kampung Kubang Kerian, Bukit Panau baru-baru ini.

Ahad lepas kilangnya dilawati Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Dato' Che Abdullah Mat Nawi dan Lembaga Pertubuhan Peladang Tanah Merah.

Usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) itu pernah mendapat bimbingan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Risda, Peladang, Veterina dan Jabatan Pertanian.

Raaisyah juga berkata, pada Disember 2018 nama syarikatnya ditukar kepada Anak Cekal International Sdn Bhd yang menghasil tujuh produk serunding.

Antaranya Serunding Ikan Bilis, Serunding Ayam, Serunding Daging Lembu, Serunding Ayam Pedas, Serunding Daging Lembu Pedas, Serunding Kambing dan Daging Lembu Extra Pedas.

"Kami juga memasarkan produk atas talian serta di Halal Mart dan pasaraya besar sekitar Lembah Klang termasuk Putrajaya.

"Tumpuan pasaran di luar Kelantan yang dipacking dalam bentuk 'travel pack' bagi memudahkan kerja-kerja penghantaran," ujarnya.

Produknya juga dijangka menembusi pasaran Singapura dan Brunei sebagai usaha memperluaskan lagi sayap perniagaan. Selain itu memasarkan produk ke Jordan dan Yaman.

Kini syarikat berkenaan mempunyai kira-kira seramai 50 agen di seluruh negara.

Menurutnya juga perancangan pemasaran di luar negara akan dibuat agen yang dilantik.

"Namun sekarang tumpuan pasaran dalam negara dahulu sebelum memperluaskan lagi ke luar negara," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/9/2020 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 30 |


# 640kg cili merah tiada permit import dirampas

**BUTTERWORTH:** Sebanyak 640 kilogram cili merah besar dari China dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) di pintu masuk Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT), di sini semalam.

Jurucakap Maqis negeri berkata, rampasan itu dibuat semasa pemeriksaan pihaknya kira-kira pukul 8.40 pagi selepas produk itu didapati diimport tanpa permit yang sah.

Tambahnya, hasil pemeriksaan mendapati terdapat sebanyak 102 bakul cili merah besar di dalam sebuah kontena sayur-sayuran dari China yang tidak mempunyai permit import.

"Cili yang dirampas itu dianggarkan seberat 640.4 kilogram (kg) dan bernilai RM3,301.64," katanya kepada pemberita hari ini.

Jurucakap itu berkata, kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta728].

> **"Rampasan itu dibuat semasa pemeriksaan pihaknya kira-kira pukul 8.40 pagi selepas produk itu didapati diimport tanpa permit yang sah."**

Menurutnya, hasil pertanian berkenaan memerlukan permit import bagi mengawal perosak lalat buah cili atau Bactrocera latifrons dan memastikan penggunaan sisa racun makhluk perosak yang mematuhi piawaian.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/9/2020 | KOSMO | NEGARA | 16 |

# 640 kg cili merah tiada permit import dirampas

**SEBERANG PERAI** – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang merampas sebanyak 640 kilogram (kg) cili merah besar dari China di pintu masuk Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini kelmarin.

Jurucakap Maqis Pulau Pinang berkata, pemeriksaan yang dilakukan pihaknya kira-kira pukul 8.40 pagi mendapati cili merah itu diimport tanpa permit sah.

"Ketika pemeriksaan mendapati terdapat 102 bakul cili merah besar di dalam sebuah kontena sayuran dari China yang tidak mempunyai permit import.

"Cili yang dirampas itu dianggarkan seberat 640 kg dan bernilai RM3,301.64," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Jurucakap itu berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta728).

Menurutnya, hasil pertanian itu memerlukan permit import bagi mengawal perosak lalat buah cili atau *Bactrocera latifrons* dan memastikan penggunaan sisa racun makhluk perosak yang mematuhi piawaian.



SEBANYAK 640 kg cili merah dari China dirampas Maqis Pulau Pinang di Terminal Kontena Butterworth Utara, Seberang Perai kelmarin.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/9/2020 | HARIAN METRO | LOKAL | 19 |

# Siasat sungai dicemar najis babi

**Ipoh:** Jabatan Alam Sekitar (JAS) Perak menyiasat dakwaan berhubung pembuangan air najis babi ke Sungai Kuala Gepai, Bidor di Tapah, dekat sini, petang kelmarin, sebagaimana tular di media sosial.

Pengarahnya, Rosli Zul berkata, JAS menerima laporan mengenai perbuatan jijik hingga menyebabkan pencemaran sungai di Kampung Kuala Gepai itu, pada malam kelmarin.

"JAS Perak merujuk kes ini ke Jabatan Veterinar dan akan menjalankan siasatan secara bersama," katanya.

Kelmarin, tular beberapa gambar di Facebook menunjukkan warna air sungai yang kehitaman didakwa tercemar akibat pembuangan air najis dari ladang penternakan khinzir di kawasan berhampiran.

Penduduk kampung, Abd Aziz Mohamed, 45, ketika dihubungi berkata, kejadian itu bukan pertama kali berlaku, sebaliknya berlarutan sejak bertahun-tahun namun tiada penyelesaian walaupun banyak aduan dibuat kepada pihak berkaitan.

Bekas tentera itu berkata, penduduk kampung berharap pihak berkuasa mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah yang turut membawa kesan bau busuk di sekitar sungai berkenaan.

**Tular beberapa gambar di Facebook menunjukkan warna air sungai kehitaman**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/9/2020 | HARAKAH | TERENGGANU | N14 |

# Jangan pindah ternakan di kawasan wabak

**Oleh HIDAYAH AZLIN**

**KUALA TERENGGANU:** Sebarang aktiviti pemindahan ternakan dari kandang serta ladang yang dijangkiti penyakit hawar berdarah dilarang.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, tindakan berkenaan bagi memastikan kematian ternakan skala besar tidak terus merebak ke kawasan lain.

Katanya, kerajaan negeri berharap mendapat kerjasama penternak, peraih atau sesiapa sahaja supaya tidak melakukan pemindahan ternakan dari daerah yang dilanda wabak tanpa kebenaran Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri.

"Baru-baru ini penguatkuasa JPV Terengganu menahan sebuah lori membawa dua ekor kerbau yang disyaki cuba dipindahkan dari daerah berlaku wabak tanpa kebenaran Pengarah JPV.

"Kes berkenaan disiasat di bawah Subseksyen 36 (1) Akta Binatang 1953, Kawasan Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut dan Penyakit Hawar Berdarah kerana melakukan pemindahan tanpa kebenaran," katanya di sini.

Jika disabitkan kesalahan mereka yang terlibat boleh didenda tidak melebihi RM15,000.

Sehubungan itu Dr Azman berkata, larangan tersebut perlu diambil perhatian semua pihak.

Menurutnya daerah yang terjejas dengan wabak hawar berdarah iaitu Marang dan Kuala Terengganu.

Kata beliau juga pemindahan ternakan dari daerah lain yang tidak terlibat perlu mendapat kebenaran JPV.



**Lori membawa kerbau ditahan anggota penguatkuasa Jabatan Perkhidmatan Veterinar.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/9/2020 | UTUSAN MALAYSIA | FORUM | 19 |




PENULIS (kiri) bersama Muhammad Syukur Khamis di Putrajaya pada tahun lalu. – IHSAN PEMBACA

# Harap Muhammad Syukur sekeluarga tabah

**SAUDARA PENGARANG,**

**SAYA** berkesempatan menemui adik Muhammad Syukur dan ayahnya, Khamis Jusoh pada Oktober tahun lalu ketika mereka terlibat dalam Karnival Usahawan Desa (KUD) di Putrajaya.

Muhammad Syukur, seorang anak yang baik. Menghormati orang tua, mudah mesra. Selesa diajak bergambar walau dalam keadaan keletihan. Tunduk mencium tangan apabila bersalam. Ayah dan abangnya pula peramah, mesra dan melayan kerenah pengunjung dengan penuh sabar.

Namun baru-baru ini, kita dikejutkan dengan berita sedih yang menimpa keluarga itu apabila lebih 40 kerbau milik mereka di Kampung Banggol Katong, Serada, Kuala Terengganu mati diserang penyakit hawar berdarah.

Susulan kejadian itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu bertindak menutup kandang kerbau milik keluarga berkenaan.

Kerugian dianggarkan lebih RM200,000, sudah tentu amat memberi kesan kepada mereka. Namun saya berpendapat, Muhammad Syukur lebih terkesan dengan tragedi itu kerana hubungan akrab antara dia dan haiwan-haiwan tersebut.

Muhammad Syukur pernah mengharumkan nama dengan aksi fotogenik bersama sekawan kerbau yang memenangi anugerah Asia Geographic pada 2018 dan terkini Imej Asia 2020 untuk Ogos bagi kategori Orang/Jalanan oleh majalah *Asian Geographic*.

Selain bantuan JPV Terengganu, apa yang lebih diharapkan adalah sumbangan daripada pihak-pihak tertentu bagi meringankan beban keluarga terbabit.

Semoga keluarga itu terus tabah. Kepada Muhammad Syukur, saya harap adik dapat menerima takdir ini dengan semangat kuat.

**MOHD. SALLEH OSMAN**
Presint 16, Putrajaya

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/9/2020 | HARIAN METRO | LOKAL | 10 |

# Bot nelayan Vietnam cuba lari dari APMM karam

**Kuala Terengganu:** Sebuah bot nelayan Vietnam mengalami kebocoran sebelum karam ketika cuba melarikan diri daripada ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang menjalankan Op Kuda Laut di kedudukan 94 batu nautika dari pantai Kuala Terengganu, Isnin lalu.

Pengarah APMM Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, sebelum kejadian, bot terbabit bersama sebuah lagi bot nelayan negara sama dikatakan sedang menjarah ikan di lokasi berkenaan menggunakan kaedah tunda ganding (tunda dua bot) pada jam 9 pagi.

Beliau berkata, apabila menyedari kehadiran Kapal Maritim (KM) Langkawi yang sedang melakukan rondaan di lokasi berkenaan, nelayan terbabit segera memutuskan tali pukat sebelum melarikan diri ke arah sempadan perairan negara.

"Berikutan kelajuan melebihi had, berlaku kebocoran pada kedua-dua bot terbabit dan sebuah daripadanya yang dipercayai menyimpan hasil tangkapan mengalami kebocoran serius dan tenggelam.

"Selain itu, sebuah lagi bot berjaya diselamatkan sebelum dibawa balik ke jeti APMM di Pulau Kambing, di sini yang memakan masa lebih 38 jam.



MUHAMMAD Suffi (kiri) menunjukkan deretan bot nelayan Vietnam yang ditahan di Jeti APMM Terengganu.

"Kita mengambil masa hampir satu jam mengejar bot berkenaan sebelum bot yang mengalami kebocoran serius itu berhenti secara tiba-tiba sebelum karam dan semua kru termasuk tekong bot terbabit dipindahkan ke sebuah lagi bot yang berjaya ditahan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau berkata, bot bersama 14 kru berumur 21 hingga 52 tahun ditahan kerana tiada lesen dan dokumen pengenalan diri serta tiada kebenaran melakukan aktiviti penangkapan ikan di perairan Malaysia.

Menurutnya, kes akan disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia dan Akta Imigresen 1959/63 kerana tekong dan kru tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

Beliau berkata, semua tahanan menjalani proses ujian saringan Covid-19 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum diserahkan kepada Pegawai Penyiasat APMM untuk siasatan lanjut.

Menurutnya, menerusi Op Kuda Laut, pihaknya sudah menahan 45 bot nelayan Vietnam membabitkan tangkapan 558 kru dan tekong.

"Setakat ini, 66 bot nelayan Vietnam ditempatkan di Jeti APMM Terengganu dan Kemaman dan 14 daripada bot terbabit sudah dilucutkan hak serta hanya menunggu untuk dilupuskan manakala selebihnya masih dalam proses mahkamah.

"Kami tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak terutama nelayan asing yang menceroboh perairan negara bagi mengaut hasil laut tanpa kebenaran yang mengakibatkan kerugian pada negara," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/9/2020 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 30 |

# Tangkapan meningkat pada musim tengkujuh

## Nelayan ambil kesempatan limpahan rezeki, tetap utama aspek keselamatan




**Ismail (kiri) bersama rakan** *melakukan persiapan untuk turun ke laut kerana hasil tangkapan meningkat sehingga tiga kali ganda ketika ditemui di Bagan Ajam, semalam.* (Foto Danial Saad/BH)

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

**Butterworth:** Seorang nelayan di sini menganggap musim tengkujuh memberikan limpahan rezeki berikutan hasil tangkapan meningkat dua hingga tiga kali ganda.

Bagi Ismail Mohd Yusuff, 60, yang mencari rezeki sebagai nelayan sejak 16 tahun lalu di perairan Bagan Ajam, dekat sini sukar memperoleh hasil memandangkan laut sekitar kotor dicemari sampah.

"Tetapi di sini ketika musim ribut, masa itu hasil sangat banyak dan saya tidak melepaskan peluang untuk turun ke laut.

"Mungkin tindakan ini dianggap bahaya, tetapi saya juga tidak turun sesuka hati, sebaliknya mengkaji pergerakan air dan ombak berdasarkan ilmu yang dipelajari," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Katanya, ketika dan selepas ribut dia memperoleh hasil antara lapan ke 16 kilogram (kg) berbanding 4kg pada musim air tenang.

"Bagaimanapun, saya tetap mengambil langkah keselamatan dengan memakai jaket serta memasang lampu pada bot seperti disarankan Jabatan Perikanan.

"Apa yang saya cakap ini berdasarkan keadaan perairan di sini, tetapi di tempat lain mungkin kaedah digunakan setiap nelayan adalah berbeza, selain tidak turun ke laut memandangkan keadaan berbahaya," katanya.

Tinjauan *BH* ke kawasan perairan itu mendapati kebanyakan bot ditambat dengan jarak enam meter antara satu sama lain sebagai persiapan berdepan musim tengkujuh.

Penjarakan antara bot dibuat bagi mengelak bot yang ditambat bertembung dan terhempas ketika ombak kuat, sekali gus mengurangkan risiko berdepan kerosakan.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) menjangkakan fasa peralihan monsun bermula hari ini yang lazimnya akan berlaku ribut petir berserta hujan lebat dan angin kencang dalam tempoh yang singkat.

Keadaan cuaca itu juga berpotensi menyebabkan banjir kilat serta kerosakan struktur yang tidak kukuh.

Fasa peralihan monsun itu dijangka berterusan sehingga awal November.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 24/9/2020 | BERITA HARIAN | BISNES | 44 |

Bisnes

bh@bh.com.my

# Agrobank lulus RM567 juta suntikan dana PRIHATIN PKS

**Agrobank** sudah meluluskan Kemudahan Bantuan Khas (SRF) dan Agromakanan (AF) di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) berjumlah RM567 juta kepada lebih 1,411 perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Penanggung Tugas Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutifnya, Khadijah Iskandar, berkata setakat 31 Ogos lalu, sejumlah 1,005 permohonan SRF membabitkan nilai RM409 juta dan 406 permohonan AF berjumlah RM158 juta diluluskan Bank Negara Malaysia (BNM) kepada PKS menerusi Agrobank.

"Agrobank sentiasa komited membantu usahawan PKS. Ia menjadi nadi dalam setiap usaha kami untuk meningkatkan prestasi sektor pertanian dan industri makanan mikro sekali gus membantu membangunkan usahawan PKS.

"Justeru, suntikan dana ini diharap dapat membantu usahawan PKS dan memberi ruang kepada mereka untuk merancang semula pelan strategik perniagaan terutama dalam mengharungi tempoh sukar ini," katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Khadijah berkata, bagi memastikan kelangsungan operasi perniagaan, pengekalan pekerjaan serta menyokong pertumbuhan ekonomi ketika tempoh mencabar, Agrobank terus berusaha memastikan usahawan mendapat bantuan yang diperlukan.

SRF dan AF adalah sebahagian daripada dana BNM berjumlah RM10 bilion dan RM1 bilion bagi membantu PKS mengurangkan aliran tunai jangka pendek perniagaan berikutan impak yang dihadapi ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan COVID-19.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/9/2020 | UTUSAN MALAYSIA | EKONOMI | 36 |

# Agrobank lulus dana RM567 juta

**KUALA LUMPUR:** Agrobank menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) telah meluluskan Kemudahan Bantuan Khas (SRF) dan Agromakanan (AF) berjumlah RM567 juta kepada lebih 1,411 perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Menurut Penanggung Tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar, setakat 31 Ogos lau, sebanyak 1,005 permohonan SRF dengan jumlah RM409 juta dan 406 permohonan AF berjumlah RM158 juta telah diluluskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) kepada PKS menerusi bank berkenaan bagi membantu membangunkan semula perniagaan mereka.

"Agrobank sentiasa komited dalam membantu usahawan PKS. Ia telah menjadi nadi dalam setiap usaha kami untuk meningkatkan prestasi sektor pertanian dan industri makanan mikro sekali gus membantu membangunkan usahawan PKS.

"Justeru, suntikan dana ini diharap dapat membantu usahawan PKS dan memberi ruang kepada mereka untuk merancang semula pelan strategik perniagaan mereka terutamanya dalam mengharungi tempoh sukar ini," katanya dalam kenyataan di sini semalam.



KHADIJAH ISKANDAR

Khadijah berkata, Agrobank terus berusaha memastikan usahawan di bawahnya kami mendapat bantuan yang diperlukan.

Bantuan itu bagi memastikan kelangsungan operasi perniagaan, pengekalan pekerjaan serta menyokong pertumbuhan ekonomi mereka semasa saat getir ini.

SRF dan AF adalah sebahagian daripada dana BNM berjumlah RM10 bilion dan RM1 bilion bagi membantu PKS mengurangkan aliran tunai jangka pendek perniagaan berikutan impak yang dihadapi semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan wabak Covid-19.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/9/2020 | KOSMO | NIAGA | 37 |

# Agrobank agih RM567 juta kepada PKS

**KUALA LUMPUR** – Agrobank menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) telah meluluskan Kemudahan Bantuan Khas (SRF) dan Agromakanan (AF) berjumlah RM567 juta kepada lebih 1,411 perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Penanggung Tugas Presiden dan/ Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar berkata, sehingga 31 Ogos lalu, sebanyak 1,005 permohonan SRF dengan jumlah RM409 juta dan 406 permohonan AF berjumlah RM158 juta telah diluluskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) kepada PKS menerusi Agrobank bagi membantu membangunkan semula perniagaan mereka.

"Agrobank sentiasa komited dalam membantu PKS. Ia telah menjadi nadi dalam setiap usaha kami untuk meningkatkan prestasi sektor pertanian dan industri makanan mikro sekali gus membantu membangunkan usahawan PKS.

"Suntikan dana ini diharap dapat membantu usahawan PKS dan memberi ruang kepada mereka untuk merancang semula pelan strategik perniagaan mereka terutamanya dalam mengharungi tempoh sukar ini," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.




INFOGRAFIK secara ringkas mengenai agihan SRF dan AF kepada PKS.



KHADIJAH ISKANDAR

Khadijah menerangkan, bagi memastikan kelangsungan operasi perniagaan dalam waktu sukar ini, pihaknya akan terus berusaha memastikan usahawan mendapat bantuan yang diperlukan."

SRF dan AF adalah sebahagian daripada dana BNM berjumlah RM10 bilion dan RM1 bilion bagi membantu PKS mengurangkan aliran tunai jangka pendek perniagaan berikutan impak yang dihadapi semasa PKP akibat wabak Covid-19.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/9/2020 | HARAKAH | NASIONAL | N29 |

# Pertanian satu perniagaan

Oleh
**USTAZAH DR ASIAH ALI**
Pengarah ILHAM PAS Pusat/AJK LTPP



PERTANIAN merupakan tunggak asas kepada kehidupan manusia baik dari segi sumber makanan, kewangan dan ekonomi. Slogan pertanian adalah perniagaan sememangnya ada kebenarannya. Situasi yang membolehkan aktiviti pertanian itu menjadi satu perniagaan boleh terjadi apabila pengeluaran hasil pertanian pekebun atau peniaga ini bukan sahaja telah melebihi keperluan malahan telah dapat memberi keuntungan kepada pengusahanya.

Pertanian juga sebagai perniagaan merupakan visi yang sangan popular. Ia bertujuan untuk mentransformasikan Malaysia sebuah Negara perindustrian juga sebagai sebuah Negara pertanian.

**Mengubah persepsi rakyat terhadap sektor pertanian**

Bidang pertanaian perlu diceburi oleh segenap lapisan umur dan bukan hanya petani-petani yang sudah lanjut usia sahaja. Di peringkat awal pertanian di Negara kita hanya berfungsi untuk memenuhi keperluan asas rakyat tempatan.

Kini fungsi pertanian ternyata telah berubah, ia dilihat sebagai perniagaan yang memberi impak besar kepada masyarakat dan Negara.

Ia juga membantu merapatkan jurang sosial, ekonomi serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negara. Dengan menceburi bidang pertanian secara tidak langsung akan dapat membantu Negara memenuhi keperluan bahan makanan sekali gus mengelakkan krisis makanan daripada berlaku.

Bilangan penduduk Malaysia dianggarkan meningkat 30.5 juta orang menjelang tahun 2020. Bidang pertanian dilihat dapat mengurangkan kebergantungan terhadap pengimpot dari Negara lain. Kebanyakan bahan makanan asas seperti beras, kopi, koko dan bijirin lain sesuai ditanam di Negara ini.

Pertanian juga dapat dijadikan perniagaan apabila konsep agro pelancongan diterapkan. Agro Pelancongan dibangunkan oleh kementerian Pertanian Dan Industeri Makanan sementara Kementerian Pelancongan membantu dari aspek Promosi. Antara aktiviti dalam Agro Pelancongan adalah lawatan ke dusun buah-buahan, kandang ternakan, penyelidikan, homestay dan sebagainya.

**Strategi kerajaan mempromosikan bidang pertanian**

Bagi memulihkan persepsi rakyat terutamanya jenerasi muda terhadap pertanian pelbagai program pertanian yang bernafas baru dan berinovasi. Kerajaan hendaklah menggalakkan usahawan petani dan pekebun kecil agar dapat mengoptimumkan amalan agronomi yang baru dan pengurusan ladang secara moden.


**Pertanian satu perniagaan.**

Beberapa pameran Pertanian dan Agro Pelancongan (MAHA) anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani diadakan dua tahun sekali bertujuan untuk mempromosikan produk-produk pertanian yang diusahakan di Malaysia.

**Kesimpulan**

Melalui strategi-strategi yang telah disusun oleh kerajaan demi untuk membantu masyarakat tani di Malaysia. Slogan "Pertanian Adalah Perniagaan" sudah pasti akan dapat dilaksanakan sekiranya kita sama-sama mencari jalan untuk memperhebatkan bidang pertanian dengan cara menjadikannya sebagai salah satu sumber pendapatan. Marilah Kita Berbudi Pada Tanah.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/9/2020 | NST | NEWS | 5 |

**KitaPrihatin**

# A boost for fishermen and small traders

**GEORGE TOWN:** The allocations announced in the Kita Prihatin programme will provide relief for Bottom 40 per cent (B40) households, as well as workers and their employers who are affected by the Covid-19 pandemic.

Among other things, Bantuan Prihatin Nasional 2.0 (BPN2.0), which was announced by Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin yesterday as part of Kita Prihatin, would assist many low-income households.

Seberang Prai Fishermen's Association (Bagan Ajam Unit) chairman Mazlan Abdul said the allocation was good news as many families were facing a challenging environment as the country was affected by the Covid-19 pandemic with no signs of recovery.

"The package can be used by fishermen and small traders who lost their livelihood due to this pandemic.

"I welcome the announcement and hope it can ease the burden of those affected."

He said the livelihoods of most fishermen were affected due to the unpredictable weather conditions that forced them to stay home.

"The situation has affected them, especially those with large families."

He said small traders were also forced to discontinue their businesses due to a lack of capital.

Muhyiddin, in his announcement, said the additional cash aid under BPN2.0 involved an allocation of nearly RM7 billion.

The Small and Medium Enterprise Association Malaysia (Samenta) also welcomed the government's extension of the Wage Subsidy Programme to assist employers and employees affected by the Covid-19 pandemic.

Samenta president Koay Chiew Guan said the wage subsidy programme would help the small- and medium-sized enterprises (SMEs) to mitigate the economic impact of the pandemic.

"It is a good move from the federal government as the wage subsidy programme would boost the recovery of SMEs nationwide."

He urged the SMEs to apply for the wage subsidy when the application opens from Oct 1 to Dec 31 this year.

Yesterday, the government announced several initiatives and additional assistance under the RM10 billion Prihatin Supplementary Initiative Package (Kita Prihatin) to boost the economic recovery.

Muhyiddin said the Wage Subsidy Programme 2.0, estimated to involve RM2.4 billion, was expected to benefit 1.3 million workers.

He said the wage subsidy would be given to employers affected by the pandemic, namely companies facing a drop in revenues by at least 30 per cent compared with last year, since the Recovery Movement Control Order came into force.

The wage subsidy will be given for up to three months at a rate of RM600 per month for each employee, with a maximum of 200 employees per company. **Bernama**

**POSITIVE ECONOMIC INDICATORS**

The reopening of the economy has had positive effects on many economic sectors.




Source: Department of Statistics Malaysia, IHS Markit, Tenaga Nasional Bhd and Bank Negara Malaysia

INFOGRAPHIC NST

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/9/2020 | THE STAR | EVENTS | 8 |

PENANG





Salad leaves being harvested at the community farming project at Penang Digital Library in George Town. (Right) Long bean plants growing on pergolas at the community farm at the Penang Digital Library grounds.– Photos: ZAINUDIN AHAD/The Star

# Seeing growth in communal farming

## State aiming for 100 projects by 2025 to boost food security

THE Penang government aims to have 100 community farming projects by 2025 to help ensure food security.

Chief Minister Chow Kon Yeow said community farming has great prospect especially with new technology that keeps improving.

"It could see a boost in household income and economic growth.

"It focuses on three aspects, namely family, going green and heading towards a smart state.

"This will lead us to going organic," he said at the launch of the community farming project called Kebun Kitar at the Penang Digital Library (phase one) grounds in Jalan Masjid Negeri.

Chow said the state's pilot community farming project was part of the Penang 2030 vision.

It is fully funded by Think City, a social purpose organisation based in Malaysia with the mission of making cities more people-friendly, resilient and liveable. The project is supported by Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) which is providing its expertise.

Located on 2,000sq ft land, the project enhanced by a smart system developed by UPSI, incorporates mixed technology, including automated irrigation, vertical hydroponics, solar panels, rainwater harvesting and a comprehensive zero-waste management system.

The project consists of multiple greens and a vertical aquaponics section (a combination of aquaculture, where fish and other aquatic animals are reared, and hydroponics where plants are grown without soil).

Chow said 60% of the yield would be distributed to those in the B40 group through Mutiara Food Bank, as well as others in need who live nearby.

He said the remaining 40% would be sold to cover the project's operation costs.

"What is special about this project is that it ensures food security in the state.

"Organic compost is used for the plants from an economical food waste composter.

"The yield is without any chemicals," he said.

On the yield, Chow said a full harvest after two to three months could feed about 400 people.

"A harvest can provide a small family a week-long supply.

"If the yield is harvested once a week or every few weeks, it can cater to fewer people but there will be more frequent harvests," he said.

Think City managing director Hamdan Abdul Majeed said urban farms would serve as an active site for capacity building and research, and act as a demonstrative showcase of closed-loop urban farming with digital processes from production to harvest and distribution.

"It cost us RM50,000, including creating the system and prototype.

"If replicated in mass production, it would cost us half the amount.

"This is a pilot project and a lot of research was done to get it right.

"Urban farming is crucial for the future as the benefits to society are uncountable.

"We live in uncertain times and have witnessed the effects of disruption, most acutely with the Covid-19 pandemic.

"We may encounter challenges such as interruptions to supply chains, loss of employment and movement restrictions.

"A sustainable urban farming movement can enable communities to grow food independently, and potentially provide opportunities for employment, entrepreneurship and social cohesion," he said.

Hamdan hoped the farm would enable capacity building to give rise to more agrotechpreneurs as well as encourage young people to delve into the industry.

"It is also an opportunity for existing farmers to grow their businesses and break out of the B40 community," he said.